

Fakta
nombor

7.5 PERATUS

tahap kemajuan
projek MRT
ketika ini

2 JUTA

penduduk dapat
manfaat daripada
projek MRT

[FOTO FARIZ ISWADI ISMAIL/BH]



Amiruddin, Najmuddin bersama wakil Kerajaan Selangor melawat projek pembinaan Transit Aliran Massa (MRT) Lembah Klang bagi laluan Sungai Buloh -Serdang - Putrajaya di Sungai Buloh, semalam.

MRT Jajaran SSP siap 15 peratus akhir tahun

Sungai Buloh: Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) menjangkakan pembinaan Transit Aliran Massa (MRT) Lembah Klang Jajaran Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya (SSP) siap antara 15 peratus hingga 18 peratus menjelang akhir tahun ini.

Pengarah Projek MRT Corp Jajaran SSP, Datuk Amiruddin Ma'aris, berkata kemajuan projek itu ketika ini berada pada tahap 7.5 peratus iaitu mengikut jadual awal pembinaan laluan.

"Kerja pembinaan sudah bermula bagi kedua-dua jajaran bertingkat utara dan selatan, jajaran bawah tanah dan depoh.

"Bagi bahagian bertingkat, kemajuan pakej kerja pertama dan kedua masing-masing berada pada tahap 20.9 peratus dan 10.3 peratus, malah kerja pembinaan dibuat dapat dilihat di sepanjang laluan Kuala Selangor hingga Jalan Kepong," katanya.

Beliau berkata demikian pada taklimat media mengenai kemajuan projek itu di sini, semalam.

Yang turut hadir, Pengarah Komunikasi Strategik dan Perhubungan Awam MRT Corp, Datuk Najmuddin Abdullah.

Bina jejambat bertingkat

Amiruddin berkata, bagi kerja bawah tanah termasuk penempatan semula utiliti, penggalian stesen dan syaf, pengubahsuaian mesin pengorek terowong (TBM) dan pembinaan tiang, ia berjalan lancar dengan kemajuan 8.7 peratus.

"Pada kadar ini, ia membolehkan kita melancarkan galang kotak bersegi untuk membina jejambat bertingkat pada suku ketiga tahun ini," katanya.

Projek itu bakal memberi manfaat kepada kira-kira dua juta penduduk apabila siap sepenuhnya menjelang 2022.